

UMS sokong pelaksanaan PPRN

UB 12.8.2016 A3

Oleh **NORNASHA SABLİ**
(Pelatih UMS)

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyokong inisiatif yang dilaksanakan Kementerian Pendidikan Tinggi melalui program Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN).

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof Dr Shahril Yusof berkata UMS adalah universiti awam yang mempunyai kelengkapan peralatan bernilai tinggi, yang boleh digunakan untuk melaksanakan penye-

lidikan dalam PPRN.

Katanya para usahawan di negeri ini khususnya penggiat Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) boleh menggunakan kemudahan di UMS untuk membantu dalam mengendalikan perindustrian masing-masing.

Pada masa sama jelasnya, UMS turut menyediakan satu ruang kepakaran untuk digabungkan bersama pihak industri dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh pengusaha tempatan Sabah.

“Ini adalah satu peluang

yang amat baik untuk kita manfaatkan kepakaran yang ada di universiti awam termasuklah UMS bagi menyelesaikan kekurangan para pengusaha industri.

“Kerajaan juga menyediakan dana khusus untuk universiti serta industri bagi menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan aspek pengeluaran,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap mewakili Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah pada majlis perasmian Seminar dan Bengkel PPRN

Siri Jelajah Negeri Sabah 2016 di sini, kelmarin.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Perindustrian Datuk Seri Panglima Raymond Tan Shu Kiah yang diwakili oleh pembantunya Datuk Bolkiah Ismail.

Sharil berharap pihak pengurusan industri bersama para pensyarah serta pakar di UMS dapat mengambil peluang itu untuk memajukan lagi bidang perindustrian terutamanya bidang Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Sabah.